

Mohd Said B Che Dollah  
K78,Lorong 14 Taman Bersatu,  
06700 Pendang ,  
Kedah Darul Aman.

Pengarah,  
Bahagian Pendidikan Menengah,  
Tingkat 19, Ibu Pejabat MARA,  
Jalan Raja Laut, 50609  
KUALA LUMPUR.

15 Januari 2016

Tuan/Puan,

Per: Permohonan Rayuan Kemasukan MRSM Tingkatan 4 2016

Merujuk perkara diatas,saya sebagai waris penjaga kepada *Nor Asila Bte Mohd Said* ingin membuat rayuan untuk kemasukan ke MRSM pada sesi persekolahan tahun 2016 bagi anak jagaan saya.

2. Berdasarkan syarat yang diperlukan untuk kemasukan ke tingkatan 4 (MrsM) ,keputusan (PT3 ) anak saya memperolehi 7A dan 3B yang mana mata pelajaran matematik dan sainsnya mendapat Gred A . Selain itu,anak saya juga aktif didalam persatuan badan uniform (Persatuan Pengakap Sekolah) dan juga menyertai serta bergiat aktif didalam kelab pidato.

3. Sebagai ketua keluarga yang menyara keluarga sebagai penoreh getah ,besarlah harapan melihat anak saya Berjaya masuk ke sekolah MrsM ,bukan sahaja dapat membakar semangat adik-adiknya tetapi juga sebagai semangat untuk saya menyara keluarga dan mencari nafkah hidup secara lebih kuat lagi.

4. Saya percaya dengan adanya kemudahan dan kelengkapan pengajian dan tunjang pendidikan (MRSM) yang kukuh dan terbukti melahirkan ramai pelapis baru yang berdaya saing serta mampan dan sejajar pembangunan negara ,anak jagaan saya pasti Berjaya menjadi insan yang terpilih dan mampu berikan kebaikan kepada kami sekeluarga serta negara.

5. Berikut adalah maklumat rayuan anak saya :

Nama Pemohon : Nor Asila Bte Mohd Said  
No Sjili Lahir : BO xxxxxx  
No K. Pengenalan : xxxxxx- xx-xxxx  
Angka Giliran : VD0011503  
MrsM Dipilih : Maktab Rendah Sains Mara Pendang

6. Dengan itu,saya akhiri permohonan rayuan ini seikhlas hati agar pihak tuan/puan mempertimbangkan niat suci ini. Saya juga ingin berterima kasih ke atas kesudian membaca rayuan ini. Diharap supaya anak jagaan saya mendapat peluang ini untuk berbakti kepada keluarga dan negara kelak.

Sekian,terima kasih.

.....  
(Mohd Said B Che Dollah)